

GOLONGAN QURANIYYUN: IMPLIKASI TERHADAP PEMIKIRAN MASYARAKAT ISLAM

Abur Hamdi bin Usman & Norhamizah binti Gasmin

Jabatan Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia. Tel: (60) 011-1907 0551. Email: aburhamdi@kuis.edu.my

Abstrak

Golongan Quraniyyun atau lebih dikenali sebagai Jemaah al-Quran merupakan satu gerakan anti hadis zaman moden. Golongan ini mendakwa bahawa al-Quran sudah cukup jelas sebagai petunjuk hidup dan menolak hadis sebagai sumber perundangan. Turut dinafikan perkaitan Rasulullah SAW dengan agama Islam melainkan peranan sebagai seorang Rasul sahaja yang sekadar menyampaikan ayat al-Quran kepada manusia. Sebahagian masyarakat mungkin menganggap bahawa isu anti hadis ini adalah remeh temeh dan tidak memberikan implikasi negatif dalam kehidupan seharian. Namun begitu, kehadiran golongan ini dinilai sangat merbahaya kerana mampu meruntuhkan akidah, merosakkan amalan ibadah, malah mampu mengotorkan akhlak dan jati diri mereka. Justeru, artikel ini mencerakin virus ganas fahaman yang ditularkan oleh golongan Quraniyyun kepada masyarakat. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan, artikel ini mendapati bahawa golongan Quraniyyun meragui status hadis dari sudut periwayatannya yang dikatakan telah berlaku penyelewengan. Ideologi sekular yang dibawa oleh golongan ini telah berjaya menghasilkan benih keraguan terhadap sistem periwayatan hadis dan seterusnya berpotensi menyesatkan masyarakat.

Kata Kunci: *Quraniyyun; Hadis; Sanad; Matan; Sekular*

1. Pendahuluan

Golongan Quraniyyun (Jemaah Al-Quran) merupakan gerakan anti hadis yang melakukan pengingkaran secara sistematik terhadap hadis-hadis Rasulullah SAW dan menebarkan keraguan terhadapnya. Golongan ini menggelarkan diri mereka sebagai jemaah al-Quran yang kononnya menyeru supaya kembali kepada ajaran al-Quran, namun pada masa yang sama mereka mengajak supaya meninggalkan hadis melalui syubhat yang sengaja direka bagi mengelirukan orang ramai.

Gerakan ini diasaskan pada tahun 1902 M di Lahore, (ibu negeri Punjab) oleh Abdullah Jakralawi (1844-1895). Antara individu kuat yang menyokong gerakan ini termasuklah Ghulam Ahmad Barwiz, Al-Hafiz Mohd Aslam, Ahmad Ad-Din, Rashad

Khalifa yang terkenal dengan kod-19 dan pelopor dari Malaysia iaitu Kassim Ahmad. (Zikri Darussamin, 2009).

Isu anti hadis adalah isu yang penting bagi menjaga kesucian agama Islam. Golongan Quraniyyun yang menjadi rujukan umat Islam boleh membawa kepada kerosakan akidah. Individu yang tidak mempunyai pegangan agama yang kuat akan mudah goyah serta akidah mudah terpesong.

Gerakan Quraniyyun atau lebih dikenali sebagai Jemaah Al-Quran sudah lama bertapak di Malaysia. Gerakan di Malaysia dibawa oleh Kassim Ahmad (1933-2017) yang mana beliau merupakan pengikut Rashad Khalifa (1935-1990). Mereka merupakan golongan yang hanya berpandu pada al-Quran semata-mata dan menolak hadis Rasulullah SAW. Golongan Quraniyyun menganggap bahawa hadis adalah catatan sejarah yang boleh dan perlu dikaji oleh para penyelidik untuk memahami dan menilai zaman itu. Golongan Quraniyyun juga menganggap bahawa hadis adalah satu penyelewengan daripada ajaran-ajaran Rasulullah SAW dan tidak boleh diterima sebagai sumber perundangan Islam (Abur Hamdi Usman, 2016).

Pengaruh golongan Quraniyyun kini semakin menular dikalangan masyarakat akibat daripada kurangnya kefahaman tentang golongan Quraniyyun ini. Hal ini sangat merbahaya sekiranya tidak diatasi kerana ianya boleh meruntuhkan akidah umat Islam terutama sekali bagi orang-orang yang kurang pengetahuan tentang agama. Kesan-kesan pemikiran golongan Quraniyyun pada masyarakat dapat dilihat dari pelbagai sudut. Sebagai contoh dalam sudut akidah, terdapat segelintir masyarakat yang percaya bahawa non muslim tidak perlu untuk mengucap dua kalimah syahadah sekiranya ingin masuk Islam. Selain itu, akibat daripada pemikiran golongan Quraniyyun ini juga, terdapat segelintir masyarakat yang tidak mengakui kemunculan Imam Mahdi dan Dajjal suatu hari nanti. Hal berikut kerana bagi golongan Quraniyyun, tidak terdapat nas di dalam al-Quran yang mengenai hal tersebut (Fauzi Deraman, 2007).

Oleh itu, pengetahuan mengenai golongan Quraniyyun ini sangat penting agar masyarakat tidak mudah terpengaruh dengan pemikiran golongan ini. Kajian ini dibuat bagi mendedahkan kepada masyarakat tentang pemikiran yang dibawa oleh gerakan Quraniyyun serta mendedahkan kepada masyarakat akan hujah-hujah yang dibawa oleh gerakan ini dalam menyesatkan umat Islam.

2. Sejarah Perkembangan Golongan Quraniyyun

Menurut sejarah kemunculan dan perkembangan golongan Quraniyyun, dapat dilihat dua pecahan zaman iaitu zaman lampau dan zaman moden.

2.1 Zaman Lampau

Pada zaman Rasulullah SAW, timbul bibit-bibit kemunculan golongan ini ditinjau dalam kalangan kaum Quraisy yang mendustakan ajaran baginda serta melemparkan tuduhan yang tidak berasas. Namun mereka tidak dikategorikan sebagai anti hadis kerana telah nyata akidah mereka yang tidak beriman kepada ajaran Islam (Abur Hamdi Usman, 2016).

Pada zaman sahabat RA, terdapat seorang yang bernama Umaiyah bin Khalid yang cuba mencari penyelesaian terhadap seluruh permasalahan dengan hanya merujuk kepada al-Quran sahaja. Beliau telah membincangkan hal tersebut dengan Abdullah bin Umar RA. Namun Ibnu Umar RA mengingatkan kepadanya agar menerima dan melaksanakan apa-apa yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Sungguhpun begitu, ianya hanyalah dalam ruang lingkup pandangan peribadi seseorang dan tidak berkembang dalam bentuk kumpulan atau gerakan (Abur Hamdi Usman, 2016).

Al Hasan berkata, semasa Imran bin Hussain sedang mengajar hadis, terdapat seseorang yang meminta agar tidak perlu mengajar hadis dan memadai hanya dengan al-Quran sahaja. Imran menjawab, “Engkau dan sahabat-sahabat engkau boleh membaca al-Quran. Mahukah engkau mngajarkanku sembahyang dan syarat-syaratnya kepadaku? Atau zakat dan syarat-syaratnya? Engkau selalu tidak hadir. Sedangkan Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat begini...begini” kemudian orang itu menjawab, “Terima kasih, aku baru sedar.” Pada kemudian harinya, orang itu menjadi seorang ahli fiqah (Abur Hamdi Usman, 2016).

2.2 Zaman Moden

Gerakan Quraniyyun ini telah wujud di India, Pakistan, Mesir, Indonesia dan Malaysia. Golongan ini muncul pada tahun 1906 dengan gelaran *Jami'ah Al-Quran*, iaitu jemaah al-Quran yang mana gerakan ini diketuai oleh Abdullah Chakrawali dan Khawaja Ahmad Din. Menurut mereka, al-Quran sahaja sudah cukup jelas dalam menerangkan sesuatu perkara dan mereka tidak memerlukan hadis sebagai rujukan (Zikri Darussamin, 2009).

Di Malaysia, gerakan Quraniyyun telah dipelopori oleh seorang pengasas Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) iaitu Kassim Ahmad. Beliau bersama beberapa orang rakannya seperti Othman Ali. Mereka cuba untuk menarik perhatian umat Islam dengan mengemukakan teori bahawa ajaran Islam memadai dengan hanya berpandukan al-Quran dan kajian saintifik menggunakan akal serta menolak hadis Rasulullah SAW. Kassim Ahmad telah menubuhkan Jemaah al-Quran Malaysia (JAM) pada 11 Jun 1995. Namun JAM ini gagal ditubuhkan kerana mendapat tentangan daripada pelbagai NGO Islam. Kassim Ahmad sebagai penggerak utama golongan Quraniyyun di Malaysia dipercayai terpengaruh dengan ajaran Rashad Khalifa (1935) yang merupakan seorang pakar dalam bidang *Plant-Biochemistry* kelahiran Mesir yang menetap di Amerika Syarikat (Rosni Wazir, 2016).

Rashad Khalifa telah membentangkan kertas kerja beliau yang bertajuk *Islam: Masa Lampau, Kini dan Masa Depan* dalam seminar Misionari Kristian dan Yahudi pada 8 hingga 17 Jun 1983 di Amerika Syarikat. Selepas membentangkan kertas kerja tersebut, beliau telah menubuhkan secara rasmi gerakan *The Quranic Society* yang berpusat di Tueson. Dalam tulisan beliau banyak mengeluarkan pernyataan yang menyesatkan. Beliau mengatakan bahawa hadis-hadis adalah ciptaan iblis, percaya kepada hadis bererti percaya kepada ajaran iblis (Haziyah Hussin, 2006). Pendapat-pendapat beliau yang menyeleweng dapat dilihat melalui buku-buku tulisannya seperti *Miracle of the Quran: Significance of the Mysterious Alphabets*, *The Computer Speaks: God Message to the World*, *Quran: The Final Scripture*,

Quran: Visual Presentation Of the Miracle, Quran, hadis and Islam dan *Quran: The Final Testament* (Rosni Wazir, 2016).

Rashad Khalifa merupakan individu yang bertanggungjawab memperluaskan hujah-hujah yang dibawa oleh Muhammad Tawfiq Sidqi (1889-1929) yang mana teori yang dibawa oleh beliau merupakan teori anti hadis. Muhammad Tawfiq Sidqi yang berasal dari Mesir merupakan individu yang mula menyemarakkan fahaman Quraniyyun. Hal ini terbukti apabila beliau menulis artikel *Islam Ialah al-Quran Sahaja* dalam *majalah Al-Manar*, pimpinan Sayyid Rashid Rida. Dalam artikel tersebut, beliau menyeru kepada al-Quran sahaja dan tidak perlu merujuk sunnah sebagai sumber hukum (Haziyah Hussin, 2006).

Sementara itu, di Indonesia golongan ingkar sunnah yang digelar sebagai *Kelompok Qur'ani* telah wujud seawal dekad 1980-an. Pihak yang bertanggungjawab atas penyebaran ingkar sunnah di Indonesia adalah pihak kolonial Belanda (Ali Maulida, 2017). Tokoh-tokoh awal gerakan ini termasuklah Lukman Sa'ad, Muhammad Ircham Sutarto, Nazwar Shamsu dan Dailami Lubis. Pusat gerakan golongan Quraniyyun yang berada di Jakarta mempunyai ramai pengikutnya kemudian diikuti oleh Bogor, Jawa Barat, Tegal Jawa Tengah dan Padang Sumatera Barat (Abdul Majid Khon, 2012).

3. Kekeliruan yang Ditimbulkan Oleh Golongan Quraniyyun

Dalam memastikan orang ramai terpengaruh dengan golongan ini, maka mereka telah menimbulkan beberapa kekeliruan agar masyarakat keliru dengan kedudukan hadis sebagai sumber rujukan Islam. Antara kekeliruan yang ditimbulkan oleh golongan ini ialah:

3.1 *Hadis sebagai punca perpecahan dan kekeliruan umat*

Kassim Ahmad dalam tulisannya secara terang-terangan melontarkan tuduhan terhadap hadis. Beliau mengatakan bahawa hadis merupakan benda yang tidak benar dan hadits merupakan punca kelemahan serta kemunduran umat Islam. Antara tuduhan beliau terhadap hadis adalah seperti berikut (Akmal Mhd Zain, 1998):

- i. Hadis atau sunnah adalah suatu ajaran palsu yang muncul antara 200-250 tahun kemudian, dan dikaitkan dengan nabi Muhammad SAW.
- ii. Ajaran-ajaran palsu (hadis/sunnah) yang telah dan terus menjadi punca kekeliruan dan perpecahan yang terbesar dikalangan umat Islam selama lebih seribu tahun.
- iii. Punca perpecahan ini ialah hadis.
- iv. Perpecahan yang ditimbulkan oleh hadis dihalalkan dan diinstitusikan, dan hadis menggantikan serta menukar fikiran kreatif dalam Islam.

Tuduhan negatif di atas membawa implikasi buruk terhadap umat Islam yang selama ini mengakui dan menyadari bahawa Hadis adalah salah satu sumber utama ajaran agama Islam dan sebagai punca perpaduan umat.

3.2. Al-Quran melarang untuk mempercayai hadis

Tokoh-tokoh Quraniyyun telah membuat kesimpulan bahawa al-Quran melarang umat Islam mempercayai hadis. Pendapat ini dipersetujui oleh Kassim Ahmad sebagaimana yang diluahkan dalam tulisannya. Bagi mengukuhkan pendapat itu, beliau memetik beberapa ayat al-Quran dalam bentuk terjemahan sahaja, seperti:

“Inilah wahyu Tuhan yang kami bacakan kepadamu dengan sebenarnya, hadis yang manakah selain wahyu ini yang mereka percaya?” (Surah al-Jathiyah ayat 6)

Kassim Ahmad kemudiannya cuba untuk mentafsirkan sendiri ayat terjemahan yang dibuatnya di atas bahawa dalam ayat 6 Surah al-Jathiyah itu bermaksud melarang kita mempercayai hadis selain al-Quran (Akmal Mhd Zain, 1998). Tuduhan negatif di atas membawa implikasi buruk terhadap umat Islam yang beriman terhadap Allah SWT dan RasulNya. Malahan ianya juga satu manifestasi daripada pengamalan Rukun Islam yang pertama dan Rukun Iman yang keempat. Dalam hal ini mengucapkan dua kalimah syahadah dan beriman kepada Rasul tentunya turut mempercayai sabdaannya pada masa yang sama.

3.3 Taat kepada Rasul adalah taat kepada Allah

Para penganut fahaman Quraniyyun mengatakan bahawa taat kepada Rasul itu adalah ketaatan kepada Tuhan yang dibuktikannya lagi dari ayat-ayat al-Quran yang menyeru manusia untuk tunduk kepada Tuhan semata-mata. Bagi menyokong hujah tersebut, tokoh-tokoh mereka memetik ayat-ayat Quran dari surah Luqman ayat 22, Surah Saba’ ayat 46, Surah al-Zumar ayat 54 dan Surah al-Hujurat ayat 10 (Akmal Mhd Zain, 1998).

Golongan ini telah salah dalam mentafsirkan maksud ayat al-Quran. Terdapat penggunaan ayat yang tidak lengkap dan terjemahan yang menyimpang daripada yang maksud sebenar sehinggalah mengubah maksud ayat tersebut. Terutama pada petikan dalam Surah Saba’ ayat 46 yang mereka terjemahkan seperti berikut (Akmal Mhd Zain, 1998):

Katakanlah, aku menggesa kamu melakukan sesuatu perkara, bahawa kamu sepenuhnya tunduk kepada Tuhan berpasang-pasang atau seorang diri kemudian berfikir.

Tuduhan negatif di atas membawa implikasi buruk terhadap umat Islam, di mana awam memaklumi bahawa Rasulullah SAW adalah utusan Allah SWT yang terakhir yang mumpunyai misi agung untuk menjelaskan syariat Islam kepada seluruh umatnya. Dengan begitu, setiap apa yang diperintahkan ataupun ditegah oleh Baginda SAW adalah cerminan

kepada penjelasan terhadap kehendak Allah SWT yang dizahirkan menerusi firmanNya dalam al-Quran.

3.4 Al-Quran tidak memerlukan kepada penjelasan

Bagi golongan Quraniyyun, mereka sebulat mengatakan bahawa al-Quran itu tidak perlu kepada hadis untuk memberi penjelasan atau keterangan kerana al-Quran sudah cukup sempurna. Bagi menyokong hujah ini, mereka memetik beberapa firman Allah yang terdapat di dalam al-Quran dalam bentuk terjemahan dan terjemahan itu adalah menurut tafsiran mereka, antaranya (Akmal Mhd Zain, 1998):

Kami tidak meninggalkan sesuatu pun dalam Kitab ini (al-An'am ayat 38)

Apakah kan kucari selain Allah sebagai sumber undang-undang sedangkan Dialah yang menurunkan Kitab ini dengan terperinci. (al-An'am ayat 114)

Perkataan Tuhan telah sempurnalah dengan sempurna dan adilnya. Tiada satu pun yang boleh merubah kata-kata-Nya. (al-An'am ayat 115)

Tuduhan negatif di atas membawa implikasi buruk terhadap umat Islam, kerana mereka memahami semenjak lama bahawa Al-Quran bersifat sebagai asas, manakala hadis bersifat sebagai penjelas kepada isi kandungan Al-Quran itu. Kedua-duanya tidak boleh dipisahkan dan saling memerlukan, sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah Al-Nahl ayat 44.

Seseorang tidak mungkin akan dapat solat kecuali dengan merujuk hadis-hadis Nabi SAW. Ini kerana di dalam al-Quran tidak memperincikan tatacara solat. Hal ini sahaja sudah jelas menunjukkan bahawa al-Quran dan Hadis itu tidak mungkin dipisahkan. Sesiapa yang mendakwa cukup baginya Al-Quran dan tidak perlu kepada hadis, sungguh dia telah tersesat bahkan dia tidak beriman dengan al-Quran sendiri yang menyuruh supaya berpegang dengan hadis dan mengikuti sunnah (Surah Al-Nisa: 65).

3.5 Kepimpinan Rasulullah SAW selaku manusia biasa berbeza dengan kepimpinannya sebagai Rasul

Dalam menafsirkan al-Quran surah al-Nisa' ayat 59, Surah al-Hasyr ayat 7 dan surah al-Nisa ayat 45, Kassim Ahmad mengatakan dalam tulisan beliau seperti berikut (Akmal Mhd Zain, 1998):

"..... perhatikan juga bahawa Tuhan menggunakan perkataan Rasul dan tidak menggunakan perkataan Muhammad dalam ayat itu. Ini terang menunjukkan bahawa perutusan Rasul yang dikehendaki kita taat, dan buka perkataan Muhammad."

Seterusnya, Kassim Ahmad membuat tanggapan berikut (Akmal Mhd Zain, 1998):

“Setelah beliau wafat, pimpinan beliau serta ketaatan kepada pimpinan beliau sebagai pemimpin masyarakat Islam pertama terhenti dengan sendirinya. Tetapi sebagai Rasul pembawa wahyu tegasnya al-Quran, pimpinan dan ketaatan kepada beliau terus berlaku hingga ke hari kiamat. Kekeliruan diantara dua peranan beliau yang berbeza inilah yang menjadi punca kekacauan antara al-Quran dan Hadis Sunnah.”

Dalam hal ini, beliau memetik firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa ayat 59 sebagai hujah:

“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya, dan uli al-amri di antara kamu, kemudian kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian, yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.”

Namun, beliau menafsirkan ayat di atas seperti berikut (Akmal Mhd Zain, 1998):

“Dalam ayat ini, Muhammad memegang dua peranan, Rasul kepada manusia yang menyeru dengan al-Quran dan pemimpin kepada masyarakatnya. Sebagai pemimpin kepada masyarakatnya dengan kuasa ulu al-amri. Baginda perlu ditaati oleh masyarakat, sama ada sebagai ketua negara, ketua kerajaan, hakim atau panglima perang. Sebagai pemimpin, ketaatan kepada baginda bersyarat, yakni tertakluk kepada perintah-perintahnya yang tidak bercanggah dengan al-Quran, dan juga syarat-syarat pemerintahannya terbatas kepada masyarakatnya sahaja.”

Selain itu, tuduhan negatif di atas membawa implikasi buruk terhadap umat Islam. Hal ini kerana dalam minda umat, para nabi dan rasul merupakan manusia pilihan utusan Allah SWT untuk memimpin dan membimbing manusia ke jalan yang benar. Nyatalah para nabi dan rasul merupakan pemimpin contoh dan mercu tanda sejarah ketamadunan manusia. Dalam konteks yang lebih khusus, nabi Muhammad SAW merupakan nabi dan rasul yang terakhir dan penghulu para nabi dan rasul, tentunya mempunyai kedudukan yang tersendiri terutama yang berkaitan dengan hal-hal kepimpinan. Sebagai pemimpin yang unggul, sirah kehidupan baginda sering disorot oleh ramai penulis sejak zaman dahulu lagi hingga sekarang, sama ada oleh sarjana Islam atau bukan Islam. Maka itu, tidak menghairankan jikalau Michael H. Hart (1978) telah meletakkan Rasulullah (SAW) sebagai manusia “pertama” dalam senarai manusia yang dianalisisnya sebagai manusia yang paling berpengaruh dalam sejarah ketamadunan dunia. Kepada umat Islam, tentunya kedudukan baginda lebih istimewa kerana baginda merupakan “qudwah” kepada umat Islam dalam segenap dimensi kehidupan.

3.6 Ibadah dapat dilaksanakan tanpa hadis

Dalam hal ibadah, golongan Quraniyyun telah menimbulkan pelbagai kekeliruan kepada umat Islam. Antara kekeliruan yang dilontarkan ialah tentang kaedah solat, tentang waktu solat, rukhsah dalam solat, cara berwuduk dan sebagainya (Akmal Mhd Zain, 1998).

Dalam kaedah solat, golongan Quraniyyun mengatakan ibadah solat yang ada sekarang dipusakai daripada ibadah solat Nabi Ibrahim AS. Antara lain mereka mengatakan:

“Sesiapa yang mengkaji al-Quran akan mengetahui bahawa ibadah-ibadah agama, solat, puasa, zakat dan haji telah diajar oleh Tuhan kepada Nabi Ibrahim AS dan pengikut-pengikutnya yang diperturunkan daripada mereka, generasi demi generasi, kepada Nabi Muhammad SAW dan pengikut-pengikutnya.” (Akmal Mhd Zain, 1998).

Mereka mengajak umat Islam mengkaji al-Quran melalui tulisan-tulisan mereka dengan merujuk kepada Surah al-Baqarah ayat 128 yang mereka terjemahkan seperti berikut:

“Tuhan kami, jadikanlah kami muslim (tunduk) kepada-Mu, dan daripada keturunan kami biarlah lahir satu bangsa Muslim (yang tunduk) kepada-Mu. Ajarkanlah kami bagaimana hendak mengamalkan ibadat-ibadat kami, dan ampunilah kami ; Kau maha pengampun dan maha penyayang.” (Akmal Mhd Zain, 1998).

Tuduhan negatif di atas membawa implikasi buruk terhadap umat Islam. Hal ini kerana al-Quran dan hadis saling kait mengait antara satu sama lain, tanpa boleh dipisahkan. Tiada sebab untuk meragui hadis, sebagaimana tiada sebab untuk meragui al-Quran. Sebab dengan meragui hadis bererti meragui Rasulullah SAW, kebenaran kata-katanya dan perutusan yang dibawanya. Dan secara langsung meragui Allah SWT dan perintahNya. Keseluruhan Ulama terutamanya para sahabat telah sepakat mengatakan bahawa hadis juga mempunyai autoritinya yang tersendiri khususnya pada masalah-masalah yang tiada nasnya dalam al-Quran, di samping penjelas, penyokong dan penghurai kepada hukum-hukum yang nasnya telah sedia ada dalam al-Quran. Ini dengan sendiri menunjukkan bahawa hadis berada di tempat yang kedua selepas al-Quran (Rahman, 1996).

3.7 Mempercayai hadis sebagai sumber hukum adalah syirik

Golongan Quraniyyun mendakwa bahawa mempercayai hadis sebagai sumber hukum Islam adalah syirik. Malah mereka mengatakan bahawa Allah SWT sendiri yang menyifatkan sedemikian. Mereka mengatakan (Akmal Mhd Zain, 1998):

“Sebaliknya, menjadikan hadis atau sunnah sebagai sumber undang-undang Islam bersama-sama al-Quran, seperti yang dianjurkan oleh ahl al-hadis, disifatkan oleh Tuhan sebagai mempersekutukanNya.”

Bagi menguatkan hujah golongan ini, mereka menyarankan agar umat Islam memerhatikan firman-firman Allah yang mereka terjemahkan seperti berikut (Akmal Mhd Zain, 1998):

“Mereka mengikut patung-patung yang menentukan bagi mereka undang-undang yang tidak pernah diluluskan oleh Tuhan”.

Tokoh Quraniyyun mengatakan bahawa ayat-ayat di atas cukup jelas dan tidak memerlukan huraian lagi. Golongan Quraniyyun terlalu berani mengatakan bahawa berpegang kepada hadis atau menjadikannya sebagai sumber hukum adalah syirik. Pendapat atau tuduhan golongan ini tidak perlu diulas kerana sudah jelas kepalsuannya dan jelas ianya dikeluarkan oleh orang yang tidak berpengetahuan dalam bidang itu (Akmal Mhd Zain, 1998).

Tuduhan negatif di atas membawa implikasi buruk terhadap umat Islam kerana membabitkan isu syirik (akidah). Apa yang pelik, golongan Quraniyyun mendakwa mereka mempercayai Allah dan al-Quran. Bagi mereka al-Quran ialah satu-satunya sumber ilmu dalam Islam dan mereka dikehendaki untuk hanya menurut ajaran al-Quran. Sekarang, terbukti bahawa Allah SWT telah mengarahkan manusia untuk mentaati Nabi SAW dalam semua perkataan dan perbuatannya. Jika mereka memilih untuk menolak hadis sebagai sumber hukum (hujjah dalam agama), ini bermakna mereka memilih untuk tidak mempercayai al-Quran. Tegasnya, jika mereka masih dengan pegangan ini maka kedudukan akidah mereka sama ada Islam atau kafir sudah tidak dapat dipastikan. Sekiranya mereka masih tidak mahu menurut Nabi SAW dan menolak hadis maka sudah tentu mereka tiada contoh ikutan dan hala tuju interpretasi al-Quran akan menyimpang (Sabjan & Akhir, 2016).

3.8 Menolak Qada dan Qadar

Golongan Quraniyyun menolak kepercayaan kepada Qada dan Qadar yang merupakan salah satu perkara terpenting dalam rukun iman. Hal ini kerana perkara ini dinyatakan di dalam hadis lalu dianggap bertentangan dengan apa yang terdapat di dalam al-Quran (Abur Hamdi Usman, 2016).

Antara prinsip akidah yang mendapat kritikan tajam daripada golongan Quraniyyun terhadap umat Islam ialah kepercayaan terhadap Qada dan Qadar. Golongan ini sentiasa berusaha mengancam kepercayaan umat Islam ini dan berusaha untuk menimbulkan keraguan terhadapnya terutama sekali bagi umat Islam yang lemah imannya. Apabila berada dalam satu keadaan yang tidak baik atau tidak menguntungkan, maka golongan Quraniyyun mengatakan bahawa hal tersebut berpunca daripada sikap kepercayaan umat Islam kepada Qada dan Qadar.

Qada dan Qadar merupakan perkara ghaib yang tertutup bagi manusia. Sebagai manusia, kita tidak mengetahui bahawa segala sesuatu telah ditakdirkan oleh Allah SWT melainkan setelah ia terjadi. Beriman kepada Qada dan Qadar mendorong seseorang untuk bersungguh-sungguh dalam meraih apa yang menjadi keinginannya dan menjaga diri daripada sesuatu yang tidak diinginkan (Akmal Mhd Zain, 1998).

Selain itu, tuduhan negatif di atas membawa implikasi buruk terhadap umat Islam. Hal ini merujuk sebilangan besar masyarakat Islam yang dahagakan ilmu dan penawar dalam mengharungi kehidupan duniawi ini mungkin pernah diselubungi oleh permasalahan Qada dan Qadar. Mereka mungkin telah dapat memahaminya dengan baik setelah merujuk kepada mereka yang berautoriti dalam bidang tersebut. Sebaliknya, bagi golongan Quraniyyun pula, justeru mengisytiharkan perang terhadap takdir disebabkan ilmu yang dangkal. Mereka menyalahkan takdir di atas segala perkara buruk yang menimpa mereka. Takdir juga dijadikan alasan untuk berbuat dosa maksiat sedangkan mereka menyedari dan dapat merasakan bahawa mereka diberikan kemampuan untuk melakukan sesuatu perbuatan sama ada baik atau buruk. Sebenarnya huraian yang jelas dari al-Quran, hadis dan ulama muktabar, serta sikap berfikir yang terbuka, hati yang ikhlas untuk menerima hakikat kebenaran dan bebas dari agenda nafsu yang jahat adalah faktor utama yang dapat membimbing seseorang itu keluar dari permasalahan takdir (Rahman, 2006).

4. Kesimpulan

Golongan Quraniyyun telah mempengaruhi masyarakat Islam. Implikasi pemikiran golongan ini dapat dilihat dari dua sudut iaitu sudut akidah dan syariat. Dari sudut akidah, jelas terlihat implikasinya terhadap kepercayaan umat Islam apabila terdapat segelintir yang ragu terhadap ajaran asas Islam. Ini terbukti apabila ada yang berkata tidak wajib bagi seseorang non-muslim itu untuk mengucap dua kalimah syahadah sekiranya ingin masuk Islam. Selain itu timbul keraguan mengenai keistimewaan Rasulullah SAW serta hal yang berkaitan dengan alam ghaib. Dari segi syariat pula, implikasi pemikiran Quraniyyun yang dapat dilihat dari sudut ibadah apabila ada segelintir yang mengatakan bahawa waktu solat hanya ada tiga waktu. Selain itu, terdapat beberapa hal lain yang tidak diperakui oleh segelintir masyarakat yang terpengaruh dengan ajaran golongan Quraniyyun ini antaranya, menafikan kelebihan malam lailatu qadar, mempertikaikan amalan sunnah nabi memakai jubah, serban dan janggut, dan banyak lagi. Justeru itu, banyak kajian yang perlu dilakukan bagi memastikan isu pemikiran golongan Quraniyyun ini didedahkan kepada masyarakat. Diharapkan pihak-pihak yang berkuasa agar dapat membanteras golongan Quraniyyun daripada meluaskan fahaman sesat mereka daripada terus menerus menular dalam masyarakat Islam, khususnya di Malaysia.

5. Rujukan

- Abdul Majid Khon. (2012). Paham Ingkar Sunnah di Indonesia. *Teologia*, volume 23, No 1. UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Abur Hamdi Usman, et. al. (2016). Golongan Anti Hadis : Isu dan Cabaran. *E-Proceeding of 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith*.
- Akmal Hj Mhd Zain. (1998). *Membongkar Kekeliruan Fiqrah Inkar al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Fauzi Deraman. (2007). *Sunnah Nabi Realiti Dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Haziyah Hussin et. al. (2006). *Kelangsungan Pengajian Hadis Cabaran dan Masa Depan*. Kuala Lumpur. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Rahman, S. M. (2006). Permasalahan Sekitar Qada' dan Qadar. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 7(1), 63-92.
- Rahman, M. M. A. (1996). Al-Hadith: Kedudukan dan Peranannya dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*, 4, 27-40.
- Rosni Wazir, et. al. (2016). Analisi Pemahaman Anti Hadis di Malaysia Terhadap Hadis. *E-Proceeding of 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith*.
- Sabjan, M. A., & Akhir, N. S. M. (2016). Reaksi Terhadap Pemikiran Anti Hadis Berdasarkan Karya Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 18, 73-88.
- Zikri Darussamin. (2009). Kassim Ahmad Pelopor Inkar Sunnah di Malaysia. *Jurnal Ilmiah Keislaman*. Vol 8, No 1.